

Oleh MAHMOOD AHMAD

**PERTANDINGAN** silat jatuh memang asing bagi peminat-peminat sukan di luar Kelantan. Tetapi di negeri "Che Siti Wan Kembang" ini ia boleh dianggap sebagai sukan yang kedua diminati ramai selain bolasepak.

Di mana sahaja pertandingan silat jatuh diadakan tetap mendapat sambutan hangat dari seluruh pelusuk negeri dan juga dari para peserta yang berebut-rebut hendak menyertainya sehingga pihak penganjur kadang-kadang terpaksa menghadkan penyertaan kepada jaguh-jaguh terkenal sahaja.

Bagaimanapun pertandingan ini jarang-jarang diadakan kerana pihak berkuasa, khususnya Polis tidak memberi galakan yang sewajarnya jika dibandingkan dengan kerjasama yang diberikan kepada permainan bolasepak.

Pihak pelesenan juga agak sukar mengeluarkan lesen, tidak semudah yang diberi kepada pertunjukan hiburan lain seperti wayang kulit, makyong atau berdirik barat.

Begitupun pertandingan ini tidak diharamkan terus dan sekali sekala lesen dikeluarkan juga apabila pertandingan ini dianjurkan oleh badan-badan sukarela seperti UMNO, Persatuan Rempis dan lain-

bolasepak lebih bahaya dan sering berlaku insiden-insiden yang tidak diinginkan samada di antara pemain dengan pemain atau akibat penonton.

Tetapi kejadian ini tidak pernah berlaku di sepanjang pertandingan silat jatuh sejak ia diadakan secara diam-diam.

Bagaimanapun, pihak berkuasa baru-baru ini telah bermurah hati mengeluarkan lesen untuk mengadakan pertandingan yang di bawah anjuran Pemuda UMNO Hutan Pasir, Ketereh, 12 batu dari Kota Bharu.

Pertandingan ini mendapat sambutan hebat dari penonton apatah lagi bila beberapa orang jaguh silat dari Kelantan dan Thailand turut menyertainya.

Pertandingan itu dijangka lima regu tetapi disebabkan Pak Tam, jaguh silat dari Thailand yang dijangka akan melawan Junuh Udang Galah jaguh terkenal dari Kelantan menarik diri di saat akhir, pertandingan hanya diadakan empat regu sahaja.

Bagaimanapun pertandingan itu berlangsung hebat kerana dua orang lagi jaguh silat Thailand iaitu Mamat Bubu Ranggah dan Sin Lokman turut bertanding melawan jaguh silat Kelantan.

Dalam regu pertama, Ali Bukit Kecil



JUNUH UDANG GALAH



ISMAIL HANTU RAYA



MAMAT BUBU RANGGAH



MOKHTAR CUCU DATUK MERAH

# Pertandingan silat jatuh di Kelantan dapat sambutan

*percah silat*

Bagaimanapun perlawanan regu ini amat menarik dan di suatu ketika penonton jadi gamat apabila kedua-duanya menjunam jatuh dari pentas dalam usaha mempertahankan diri supaya jangan jatuh oleh lawan.

Regu yang ditunggu-tunggu ialah perlawanan di antara Sin Lokman dengan Ismail Hantu Raya yang pertama kali bertemu. Kedua-dua

bila di saat akhir (pusingan kelima), Sin dapat menjatuhkan Ismail (jatuh tunggal) walaupun beliau sendiri merasakan akan tewas di tangan lawannya.

Sehingga kini, kekalahan Ismail menjadi buah mulut peminat silat dan ada yang marah-marah kerana permainan Ismail pada malam itu begitu gelojoh dan memperkecilkan pihak lawan.

12 MAY 1980  
r a n a n a g i b  
menyebelahi saya  
pada malam ini." Ujar  
Sin.

Kemuncak pertandingan pada malam itu ialah pertemuan di antara Mamat Bubu Ranggah, pendatang baru dari Thailand dengan Mokhtar Cucu Datuk Merah, jaguh terbilang dari Kelantan.

Bagaimanapun kedua-duanya tidak dapat melakukan

